



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PEMBUKAAN SEKSYEN 2
LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT SKVE KE PERSIMPANGAN
BERTINGKAT SAE)**

21 JANUARI 2025

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Ir. Sazali Bin Harun
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Ir. Hamzah Hasan
Pengerusi West Coast Expressway

Yang Berbahagia Datuk Lee Chun Fai
Ketua Eksekutif, IJM Corporation Berhad

Yang Berusaha Tn. Lyndon Alfred Felix
Pengarah Urusan West Coast Expressway

Wakil-wakil Kementerian, Lembaga Lebuhraya Malaysia, agensi-agensi Kerajaan dan swasta, syarikat-syarikat konsesi, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

1. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaan seksyen terbaharu Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE). Hari ini, kita menyaksikan satu lagi **detik penting** dalam usaha memajukan jaringan infrastruktur negara melalui perasmian Seksyen 2 Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE), yang menghubungkan Persimpangan Bertingkat SKVE ke Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Shah Alam (SAE), yang sangat ditunggu-tunggu oleh pengguna lebuhraya, khususnya di sekitar Daerah Kuala Langat dan Klang.
2. **Jajaran Seksyen 2 ini adalah kesinambungan kepada jajaran Seksyen 1** yang telah dibuka kepada pengguna pada 31 Ogos 2024, iaitu dari Persimpangan Bertingkat Banting ke Persimpangan Bertingkat SKVE. Dengan **tambahan jajaran sepanjang 7.2 kilometer** yang menghubungkan Persimpangan Bertingkat SKVE dan Persimpangan Bertingkat SAE ini, saya difahamkan tempoh masa perjalanan antara Shah Alam dan Banting akan menjadi lebih pendek iaitu dari 1 jam kepada 25 minit sahaja, sekaligus menawarkan laluan alternatif yang amat diperlukan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan dan komersial sepanjang laluan sedia ada.

Hadirin yang dihormati,

3. Projek pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) ini bukan sekadar projek infrastruktur untuk pembangunan negara, tetapi ia juga merupakan simbol aspirasi negara menuju ke arah sebuah negara

progresif, selaras dengan aspirasi Membangun Malaysia MADANI – sebuah kerangka visi negara yang mengutamakan pembangunan mampan, kesejahteraan rakyat, dan perpaduan nasional. Di bawah kerangka Malaysia MADANI ini, kita tidak hanya membina lebuh raya untuk mempercepatkan perjalanan, tetapi juga untuk meningkatkan keterhubungan, mobiliti rakyat, dan aksesibiliti bagi menyatukan komuniti, merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar, serta memperkasakan ekonomi setempat.

Tuan- tuan dan puan- puan yang dihormati,

4. Saya percaya pembukaan Seksyen 2 WCE ini juga akan membawa manfaat yang lebih besar, bukan hanya untuk menghubungkan Lebuhraya SKVE ke Lebuhraya KESAS sahaja. Malah, ia akan menjadi "jalan kehidupan" yang membuka peluang baharu kepada masyarakat di sepanjang koridor pantai barat ini. Sebagai contoh, kawasan seperti Banting, Telok Panglima Garang, Pulau Indah, dan Bandar Botanik akan menjadi lebih mudah diakses, menjadikannya destinasi yang lebih menarik untuk pelabur serta merangsang jaringan perhubungan pengangkutan awam di sekitarnya. Hasilnya, akan terwujudlah peluang pekerjaan baharu, peluang perniagaan, dan melonjakkan kegiatan ekonomi penduduk tempatan. Lebuhraya ini akan membuktikan pencapaian sebahagian daripada perjalanan negara ke arah matlamat Malaysia MADANI – perjalanan ke arah kemajuan yang berakar pada nilai-nilai kemanusiaan, kualiti hidup yang lebih baik, dan kemampanan untuk generasi akan datang.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

5. Sebagai salah satu infrastruktur penting dalam rangkaian ekonomi pantai barat Semenanjung Malaysia, WCE turut menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, pelancongan, dan perdagangan serantau. Pembukaan jajaran ini akan **menjadi pelengkap kepada Pelabuhan Klang sebagai hab logistik terbesar di Asia Tenggara dengan akses yang kini semakin mudah dan cepat.** Laluan ini dijangka akan membantu **mengurangkan kos operasi sektor logistik, mempermudah penghantaran barangan, dan seterusnya meningkatkan daya saing Malaysia** di pentas antarabangsa.
6. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, dan West Coast Expressway (WCE) atas usaha gigih serta komitmen yang berterusan dalam merealisasikan projek ini. Saya juga berterima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti Kementerian Kewangan (MOF), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Kerja Raya (JKR), PTG Selangor, Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang turut sama menyumbang sarankan pandangan, dan kepakaran bagi memastikan kemudahan infrastruktur ini dapat direalisasikan.
7. Tidak lupa juga kepada pihak juruperunding, kontraktor, dan arkitek yang terlibat dalam pembinaan jajaran ini iaitu HSS Integrated Sdn. Bhd., Archimetry Sdn. Bhd., IJMC-KEB JV, Pembinaan Mitrajaya, IJM Construction Sdn. Bhd., dan Marserve Sdn. Bhd. Sememangnya kerjasama baik semua pihak yang terlibat ini adalah kunci kepada

kejayaan projek, dan saya berharap semangat kerjasama ini akan berterusan untuk melengkapkan keseluruhan jajaran Lebuhraya WCE ini kelak.

8. Dengan ini, saya sukacitanya mengumumkan bahawa **Seksyen 2, Lebuhraya WCE, dari Persimpangan Bertingkat SKVE ke Persimpangan Bertingkat SAE, akan dibuka** kepada pengguna mulai **Rabu, 22 Januari 2025, pada jam 12.01 tengah malam**. Sebagai tanda penghargaan kepada pengguna yang memasuki Lebuhraya WCE dari Plaza Tol SAE ke Persimpangan Bertingkat SKVE (WCE) dan sebaliknya (di kedua-dua arah), mereka akan menikmati **TOL PERCUMA selama SATU (1) bulan bermula tengah malam ini**.
9. Saya ingin mengingatkan pengguna yang menggunakan laluan dari Plaza Tol SAE menuju ke Plaza Tol Banting atau sebaliknya, bahawa **pengecualian tol hanya akan diberikan sehingga Persimpangan Bertingkat SKVE (WCE)**. Kadar tol bagi jajaran sedia ada akan dikenakan seperti biasa mengikut kelas kenderaan masing-masing.

Hadirin yang dihormati,

10. Akhir kata, saya **menyeru agar KKR, LLM, dan semua konsesi lebuhraya untuk terus memainkan peranan penting dalam memastikan pemanduan dan perjalanan pengguna di semua lebuhraya adalah sentiasa selesa dan selamat**. Pada masa yang sama, saya ingin mengingatkan para pengguna agar memanfaatkan kemudahan lebuhraya dengan sebaik-baiknya, dengan **mematuhi peraturan jalan raya dan memastikan keselamatan sesama pengguna, serta menjaga keindahan dan kebersihan lebuhraya**

kita bersama. Semua itu melambangkan nilai dan identiti kita sebagai negara bangsa yang bersatu padu, patriotik, dan mengutamakan negara lebih daripada yang lain.

11. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut perayaan Tahun Baru Cina kepada warga Tionghua di Malaysia. **Xin Nian Kuai Le, Gong Xi Fa Cai!**

12. Sebelum mengakhiri ucapan ini, terimalah serangkap pantun dari saya:

*Bunga Raya berwarna warni,
Menjadi hiasan di atas meja,
Lebuh raya dibina menambah seri,
Untuk kemudahan rakyat sejahtera.*

13. Dengan rasa syukur dan berbesar hati, saya **merasmikan** pembukaan Seksyen 2, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) dari Persimpangan Bertingkat SKVE ke Persimpangan Bertingkat SAE.

Sekian, terima kasih.